



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 32 TAHUN 2013**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU WARTAWAN/WARTAWAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Pembantu Wartawan/Wartawan yang sedang berkuat kuasa.

**LATAR BELAKANG**

2. Skim perkhidmatan Pembantu Wartawan/Wartawan telah digubal khusus untuk kegunaan di Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA). Berikutan peningkatan tanggungjawab dan kompleksiti tugas, pengambilan pegawai berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia tidak lagi dilakukan. Kerajaan bersetuju supaya diperluaskan bidang kelayakan di peringkat diploma dan diperuntukkan gred kenaikan pangkat tambahan iaitu Gred S38 bagi tujuan kemajuan kerjaya penyandang dalam skim perkhidmatan ini.

## **PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN**

3. Skim perkhidmatan Pembantu Wartawan/Wartawan yang berkuat kuasa dipinda kepada skim perkhidmatan yang baharu seperti berikut:

(a) pindaan nama skim perkhidmatan Pembantu Wartawan/Wartawan kepada Wartawan;

(b) penyusunan semula lapisan gred skim perkhidmatan Pembantu Wartawan/Wartawan Gred S17, S27/28, S32 sedia ada kepada lapisan gred baharu skim perkhidmatan Wartawan Gred S27, S32, S38.

(c) pindaan syarat lantikan bagi Wartawan Gred S27 iaitu:

(i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada RM1,437.00); atau

(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada RM1,437.00) atau

(iii) diploma yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada RM1,661.95 ).

4. Skim perkhidmatan Wartawan yang baharu adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**.

#### **PELAKSANAAN**

5. Skim perkhidmatan Pembantu Wartawan/Wartawan hanya diperuntukkan untuk kegunaan di BERNAMA. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Pembantu Wartawan/ Wartawan yang dilantik secara tetap layak dipindahkan mengikut gred ke gred seperti berikut:

- (a) pegawai yang berada di Gred S27 dipindahkan ke Gred S27;
- (b) pegawai yang berada di Gred S28 dipindahkan ke Gred S27 dengan gaji secara Khas Untuk Penyandang (KUP) atas Gred S28; dan
- (c) pegawai yang berada di Gred S32 dipindahkan ke Gred S32.

6. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

7. Jabatan ini (Bahagian Pembangunan Organisasi) akan melaksanakan perubahan jawatan dalam Surat Kelulusan Perjawatan sedia ada.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

## **PEMBATALAN**

9. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Wartawan/Wartawan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Pengurus Besar BERNAMA

**SKIM PERKHIDMATAN  
WARTAWAN**

**KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN SOSIAL**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **S27, S32, S38**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2013**

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c)
      - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: RM1,437.00); atau
      - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: RM1,437.00); atau
      - (iii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: RM1,661.95).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S32**
10. Wartawan Gred S27 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Wartawan Gred S32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S38**
11. Wartawan Gred S32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Wartawan Gred S38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI BERITA GRED S41**
12. Wartawan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Berita Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Wartawan/Wartawan yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)